

Takaful Future Defender

Defend your loved ones, protect their future.



In life, sometimes we need to expect the unexpected. It pays to defend yourself and your family with a plan that can protect your family in times of crisis.

Whatever the future brings, Takaful Future Defender gives you comfort and confidence to go through life's ups and downs smoothly knowing your family is well looked after.

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWD Takaful or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad is a member of PIDM.

When life throws you a curve ball, counter with a defensive game plan.

Life is full of surprises. Anything can happen, any time. Choose a plan that can protect you and your family when life throws you a curve ball.

We have created a practical plan that puts your family's needs first. Takaful Future Defender is a protection plan that provides many benefits and defends your loved ones during challenging times. This plan is designed to look after their financial and emotional wellbeing when they need it the most. After all, it is easier to expect the unexpected when you have a safety net.

With Takaful Future Defender, no matter what happens in the future, you know you will have total peace of mind today, knowing we have you and your family's best interests at heart.



Defend your family with a protection plan

Takaful Future Defender is a protection plan that provides your family with death benefit and accelerated Total and Permanent Disability (TPD) benefit. You can rest easy knowing that your family is protected should unfortunate events happen.



Protect

Should the unexpected happen, leave them with a legacy that will look after their financial and emotional needs to help them get their life back on track.



Multiple Indemnity

Your family will receive multiple indemnity benefit pay-out upon death or TPD due to accident.



Funeral Expenses

As part of the death benefit, your family will receive RM5,000 to cover the funeral expenses.



Maturity

Should life sail by smoothly, you can take back the account value (if any) in the Participants' Fund after the maturity date.

Product Benefits

	Natural causes	Accidental causes
Death benefit If the Person Covered passes away, we will pay:	100% of Sum Covered + Account Value in the Participants' Fund	Up to age 75 ANB 200% of Sum Covered + Account Value in the Participants' Fund Above 75 ANB 100% of Sum Covered + Account Value in the Participants' Fund
	<ul style="list-style-type: none"> • Where Sum Covered = Annual Contribution x Sum Covered Multiplier • Additional RM5,000 as funeral expense 	
TPD benefit If the Person Covered suffers from TPD, we will pay:	100% of Sum Covered + Account Value in the Participants' Fund	200% of Sum Covered + Account Value in the Participants' Fund
	<ul style="list-style-type: none"> • Where Sum Covered = Annual Contribution x Sum Covered Multiplier • The Person Covered is covered for TPD up to the age 75 ANB. 	

Maturity Benefit

Trigger event	Benefit amount payable
Maturity date	Account Value in the Participants' Fund (if any)

Support in times of need

You can count on us to be there for your loved ones when they need it most. Should you get into a fatal accident, we will provide your family with these unique recovery services.



► Grief Counselling

Under the certificate, we will pay up to RM2,000 for a maximum of ten (10) 1-hour long counselling sessions with a grief counsellor.

► Legal Services

Under the certificate, we will pay up to RM2,000 for a maximum of 3 one hour sessions to seek legal advice on estate administration, from a legal adviser.

► Donation

The certificate also pays an additional RM2,000 to donate to a charitable organisation. We will arrange for the amount to be donated on your behalf.

Product Parameters

Item	Details																		
Age limits	Minimum Entry Age	Maximum Entry Age																	
	18	50/60/70 ANB (Subject to minimum term of 10 years)																	
Certificate duration	<ul style="list-style-type: none"> Participant may choose the maturity age up to 60/70/80, subject to minimum term of 10 years. The minimum contract term of 10/15/20 years will be linked to maximum entry age for the chosen maturity option as below: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Contribution Option</th> <th>Maturity up to age 60</th> <th>Maturity up to age 70</th> <th>Maturity up to age 80</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>10 year Limited Pay</td> <td>50</td> <td>60</td> <td>70</td> </tr> <tr> <td>15 year Limited Pay</td> <td>45</td> <td>55</td> <td>65</td> </tr> <tr> <td>Regular Pay</td> <td>40</td> <td>50</td> <td>60</td> </tr> </tbody> </table>			Contribution Option	Maturity up to age 60	Maturity up to age 70	Maturity up to age 80	10 year Limited Pay	50	60	70	15 year Limited Pay	45	55	65	Regular Pay	40	50	60
Contribution Option	Maturity up to age 60	Maturity up to age 70	Maturity up to age 80																
10 year Limited Pay	50	60	70																
15 year Limited Pay	45	55	65																
Regular Pay	40	50	60																
Sum covered	Subject to Sum Covered Multiplier																		
Minimum and maximum contribution (and top-up)	Contribution option	Minimum	Maximum																
	10 year Limited Pay	RM3,600 per annum	N.A																
	15 year Limited Pay	RM3,600 per annum	N.A																
	Regular Pay	RM3,600 per annum	N.A																
Contribution frequency options	Ad-hoc topup	RM50 per transaction	N.A																
	Monthly	Quarterly	Semi-Annually																
			Annually																

Want to know more?

Consult with our Relationship Managers for further information, or

Call 1300 80 2626

Click hsbcamanah.com.my

Visit your nearest HSBC Amanah branch

Here's How The Plan Works

Hans, 31, is a Regional Sales Manager of a multinational company, husband to Alisha and father to Isaak (who just turned 5). He is responsible for overseeing the daily operations of the company's stores across Malaysia. As he travels a lot due to the nature of his job, he decides to invest in his family's wellbeing and protect their future with Takaful Future Defender so that he can have peace of mind knowing they are looked after.

- 1** Hans decides to participate in the 10-year Limited Pay plan with a sum covered of RM403,200*. He contributes RM3,600 into the plan every year.

*Male, non-smoker, occupation class 1, expiry age 60 years old, contribution term of 10 years.



- 2** 7 years have passed. Hans is travelling along the highway to attend his company's AGM. His car gets hit by a speeding truck and overturns. He suffered multiple fractures and serious head injuries.



- 4** Hans' family will receive an accidental death benefit of 200% of the Sum Covered + Account Value in the Participants' Fund, and the certificate will be terminated.



- 3** Hans is rushed to the Emergency Room of the nearest hospital. In the operating room, surgeons do their best to save his life. Unfortunately, he does not pull through.



- 5** Alisha receives RM5,000 for funeral expenses to help her financially. She also gets **additional support** from their Takaful Future Defender plan.

a. Counselling Service benefit*

Alisha gets up to 10 grief counselling sessions, to help her deal with her husband's passing.

b. Legal Services benefit*

She also gets legal services, up to 3 times, to advise her on the next steps to take.

c. Donation Services benefit

An additional amount of RM2,000 shall be donated to a charitable organisation, on behalf of Hans.

* Up to RM2,000 total fees on reimbursement basis

Fees and Charges

Description	Fees and charges
Wakalah Fee	A portion of the Wakalah Fee will be used to pay the commission to the intermediaries. The Wakalah Fee applicable ranges from 0% to 60% of contribution. The actual fees vary depending on the year and tenure selected. <ul style="list-style-type: none"> • 10 year Limited Pay: from 0% to 30% • 15 year Limited Pay: from 0% to 45% • Regular Pay: from 0% to 60%
Monthly Tabarru' (Donation)	Tabarru' is deducted monthly from your account value in the Participants' Fund. Tabarru' rates are not level and are based on Person Covered's age at the next birthday, gender, amount of coverage, health status, smoker status, and occupation.
Services Wakalah Charge	RM5 per month deducted from your account value in the Participants' Fund.
Stamp Duty	A one-time stamp duty of RM10 will be borne by the Certificate Owner, to be paid with the initial contribution.

Simplified exclusions

There are only few events where we will not pay the benefits under the certificate:

Death	TPD
Suicide <p>We will not pay death benefit under this certificate if the claim arises from suicide within one year from: the start of your certificate; or the date we last reinstated your certificate; whichever is later.</p> <p>This applies regardless of the Person Covered's mental state. If this happens, we will only pay your account value in the Participants' Fund (PF) as at the date of death.</p>	Attempted suicide or self-inflicted act <p>We will not pay the TPD benefit under this certificate if the claim arises from attempted suicide or an intentional self-inflicted act by a Person Covered within one year from: the start date of your certificate; or the date we last reinstated your certificate; whichever is later.</p> <p>This applies regardless of the mental state of the Person Covered.</p>
	Unlawful acts <p>We will not pay the TPD benefit under this certificate if the claim arises because the Person Covered wilfully participated in an unlawful act or unlawful failure to act.</p>

If the claim arises due to any of these 3 exclusions, the certificate will continue with death benefit and customer to continue paying the contribution (if any).

Note: Please refer to the certificate for detail explanation on the exclusions.

Participants' Fund

The contributions you made after deducting Wakalah fees will be allocated into the Participants' Fund. An incentive of 20% of any profits from the Participants' Fund will be rewarded to the Takaful Operator before any profits attributable to this certificate are allocated into your account value in the Participants' Fund.

Participants' Risk Fund

A monthly Tabarru' will be deducted from your account value in the Participants' Fund and credited into the relevant Participants' Risk Fund from which protection benefits are paid. As a reward for managing and administering the Participants' Risk Fund, the Takaful Operator is entitled to an incentive equal to 50% of the surplus to be distributed. The balance 50% of the surplus will be distributed among eligible participants and your entitlement will be allocated yearly into your account value in the Participants' Fund.

Surrender

In the event of surrender, your account value in the Participants' Fund will be paid. However, you will lose the coverage under this certificate and the amount payable to you may be less than the total contributions you have made.

Important notes

This plan is managed by FWD Takaful Berhad with its principal place of business at Level 21, Mercu 2, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. FWD Takaful Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and is regulated by Bank Negara Malaysia.

HSBC Amanah Malaysia Berhad is the intermediary in the distribution of this plan in Malaysia and may be remunerated/paid a commission by FWD Takaful Berhad.

Products and services referred to in this brochure are offered in Malaysia only.

This brochure does not form a contract between you and FWD Takaful Berhad. The full terms and conditions are stated in the certificate documents.

Choose a plan that best serves your needs and ensure that the contribution amount is one you can afford. If you need a plan that offers more comprehensive protection, HSBC Amanah Malaysia Berhad has other protection options that could be more suited to your needs.

Takaful Future Defender provides takaful protection up to age of 80. Choose from 10-years limited pay, 15-years limited pay or regular pay with minimum 20 years certificate term. The contributions that you pay contribute to both the savings and protection elements of the product. If you are looking for financial products with savings element, you may wish to compare the annualised returns of this takaful product with the effective returns of other investment alternatives.

If you surrender your certificate in the early years, you will get your account value in the Participants' Fund (PF) which may be less than the total contribution you have paid. The PF value will be based on the actual performance of the fund and it is not guaranteed. 80% of the return in PF will be allocated back to PF. The risk of investment is borne solely by you and your account value in the PF may be less than the total contribution you have paid.

You should continue paying your contributions regularly until the end of the contribution term to ensure you are fully eligible for all the benefits. If you do not pay your contributions, your certificate will remain active as long as your account value in the PF is sufficient to cover all Tabarru' and other relevant charges, otherwise your certificate will lapse.

You are entitled to an individual tax relief when you participate in this plan, subject to terms and conditions of the Inland Revenue Board of Malaysia (LHDN).

You may examine the plan's appropriateness and discontinue your participation within 15 days after receiving the certificate ("free-look period"). If you cancel your certificate while it is still within the free-look period, FWD Takaful Berhad will return your contribution.

For further information on fees, charges and other product details, please refer to the Product Disclosure Sheet and Benefit Illustration provided by our Relationship Managers.

Please consult your Relationship Managers, for further information on the product.

In the unlikely event of conflict between the English and Malay versions of the content of this document, the English version shall prevail.

Lindungi insan tersayang, lindungi masa hadapan mereka.



 HSBC Amanah

Dalam kehidupan, ada kalanya kita perlu bersedia untuk situasi-situasi yang di luar jangkaan. Adalah penting untuk memiliki satu pelan yang boleh melindungi anda sekeluarga sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku.

Walau apa pun yang akan berlaku pada masa hadapan, Takaful Future Defender memberi anda ketenangan dan keyakinan dalam menempuh cabaran hidup dengan lancar dan mengetahui bahawa keluarga anda dilindungi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad ialah ahli PIDM.

Apabila anda berdepan dengan kejutan dalam kehidupan, pelan perlindungan sedia membantu.

Kehidupan penuh dengan kejutan. Apa-apa sahaja boleh berlaku tanpa mengira masa. Pilih pelan yang boleh melindungi diri anda dan keluarga anda sekiranya perkara yang tidak diingini terjadi.

Kami telah mencipta satu pelan yang mengutamakan keperluan keluarga anda. Takaful Future Defender ialah pelan perlindungan yang menyediakan pelbagai manfaat dan melindungi orang tersayang sepanjang tempoh yang mencabar. Pelan ini direka untuk meringankan beban keluarga anda dari segi kewangan atau emosi disaat mereka memerlukan sokongan. Tambahan pula, ianya lebih mudah untuk kita menyediakan jaring keselamatan untuk situasi yang tidak dijangka.

Dengan Takaful Future Defender, tidak kira apa yang berlaku pada masa hadapan, anda tidak perlu bimbang kerana kami akan mengutamakan kepentingan anda dan keluarga anda.



Menjaga keluarga anda dengan pelan perlindungan

Takaful Future Defender ialah pelan perlindungan yang menyediakan manfaat kematian dan Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)* untuk keluarga anda. Anda akan merasa lebih tenang apabila anda yakin keluarga anda dilindungi sekiranya sesuatu yang tidak diduga berlaku.



Perlindungan

Sekiranya sesuatu yang tidak diduga berlaku, harta yang anda wariskan/tinggalkan mampu meringankan beban keluarga anda dari segi kewangan dan emosi supaya mereka dapat meneruskan kehidupan seperti biasa.



Manfaat Berganda

Keluarga anda akan menerima bayaran manfaat berganda apabila berlaku kematian atau HUPK yang disebabkan oleh kemalangan.



Khairat Kematian

Keluarga anda akan menerima khairat kematian sebanyak RM5,000 untuk menampung perbelanjaan pengebumian



Kematangan

Sekiranya tiada tuntutan, anda boleh mendapatkan kembali nilai akaun (jika ada) dalam Dana Peserta selepas tarikh matang.

*Manfaat HUPK akan mengurangkan Jumlah Dilindungi di bawah Manfaat Kematian.

Manfaat-manfaat produk

	Akibat semula jadi	Akibat kemalangan
Manfaat kematian Jika Orang Dilindungi meninggal dunia, kami akan membayar:	100% daripada Jumlah Dilindungi + Nilai Akaun di dalam Dana Peserta <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah Dilindungi = Sumbangan Tahunan x Gandaan Jumlah Dilindungi • Tambahan RM5,000 sebagai khairat kematian 	Sehingga umur 75 tahun Hari Lahir Berikutnya 200% daripada Jumlah Dilindungi + Nilai Akaun di dalam Dana Peserta Melebihi umur 75 tahun Hari Lahir Berikutnya 100% daripada Jumlah Dilindungi + Nilai Akaun di dalam Dana Peserta
Manfaat Hilang upaya penuh dan kekal (HUPK) Jika Orang Dilindungi mengalami HUPK, kami akan membayar:	100% daripada Jumlah Dilindungi + Nilai Akaun di dalam Dana Peserta <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah Dilindungi = Sumbangan Tahunan x Gandaan Jumlah Dilindungi • Perlindungan HUPK adalah sehingga umur 75 tahun hari lahir berikutnya 	200% daripada Jumlah Dilindungi + Nilai Akaun dalam Dana Peserta

Manfaat kematangan

Peristiwa pencetus	Jumlah manfaat dibayar
Tarikh matang	Nilai Akaun di dalam Dana Peserta (jika ada)

Sokongan di saat memerlukan

Anda boleh bergantung kepada kami untuk melindungi orang tersayang anda apabila mereka memerlukannya. Sekiranya anda meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan, kami akan menyediakan perkhidmatan pemulihan berikut untuk keluarga anda.



► Khidmat Kaunseling

Di bawah sijil ini, kami akan membayar maksimum 10 sesi kaunseling selama satu jam sehingga jumlah yang dikenakan mencapai RM2,000.

► Khidmat Guaman

Di bawah sijil ini, kami akan membayar maksimum 3 sesi nasihat undang-undang, selama satu jam sehingga jumlah yang dikenakan mencapai RM2,000 daripada penasihat undang-undang tentang pentadbiran harta pusaka.

► Derma

Sijil ini juga akan mendermakan jumlah wang sebanyak RM2,000 kepada badan kebajikan. Kami akan menguruskan derma ini bagi pihak anda.

Parameter Produk

Item	Butiran			
	Umur Penyertaan Minimum	Umur Penyertaan Maksimum		
Had Umur	18	50/60/70 pada hari lahir berikutnya (Tertakluk kepada tempoh minima 10 tahun)		
	<ul style="list-style-type: none"> Peserta boleh memilih umur kematangan sehingga 60/70/80, tertakluk pada tempoh minimum 10 tahun. Tempoh sijil minimum adalah 10/15/20 tahun akan dipadankan dengan umur penyertaan maksimum bagi opsyen kematangan yang dipilih seperti di bawah: 			
Tempoh Sijil	Pilihan Sumbangan	Penyertaan Maksimum		
		Kematangan sehingga umur 60	Kematangan sehingga umur 70	Kematangan sehingga umur 80
		Sumbangan Terhad 10 tahun	50	60
		Sumbangan Terhad 15 tahun	45	55
		Sumbangan berkala	40	50
Jumlah Dilindungi	Tertakluk pada Gandaan Jumlah Dilindungi			
Sumbangan minimum dan maksimum (dan tambahan)	Pilihan sumbangan	Minimum		Maksimum
		RM3,600 setahun		Tidak berkenaan
		RM3,600 setahun		Tidak berkenaan
		RM3,600 setahun		Tidak berkenaan
	Sumbangan tambahan <i>ad-hoc</i>		RM50 setiap transaksi	Tidak berkenaan
Pilihan kekerapan sumbangan	Bulanan	Suku tahunan	Separuh tahunan	Tahunan

Ingin tahu lebih lanjut?

Hubungi Pengurus Perhubungan kami untuk maklumat lanjut, atau

Hubungi 1300 80 2626

Klik hsbcamanah.com.my


Kunjungi cawangan HSBC Amanah berhampiran anda

Bagaimana pelan ini berfungsi

Hans, berusia 31 tahun, adalah seorang Pengurus Jualan Serantau untuk sebuah syarikat multinasional, suami kepada Alisha dan bapa kepada Isaak (baru mencecah usia 5 tahun). Hans bertanggungjawab mengawasi operasi harian cawangan syarikat di seluruh Malaysia. Memandangkan beliau kerap bertugas di luar kawasan, Hans membuat keputusan untuk menyertai pelan Takaful Future Defender demi kesejahteraan dan masa depan keluarganya supaya beliau tidak perlu risau tentang nasib mereka.

- 1** Hans memilih untuk menyertai pelan Sumbangan Terhad 10 tahun dengan jumlah dilindungi sebanyak RM403,200*. Dia membayar sebanyak RM3,600 setiap tahun untuk pelan ini.

*Lelaki, bukan perokok, pekerjaan kelas 1, tamat tempoh pada umur 60 tahun, tempoh sumbangan selama 10 tahun.



- 2** 7 tahun telah berlalu. Hans memandu di lebuh raya untuk menghadiri mesyuarat tahunan syarikat. Keretanya dilanggar oleh sebuah lori yang dipandu laju lalu terbalik. Dia mengalami patah tulang di beberapa bahagian dan kecederaan serius di kepala.



- 4** Keluarga Hans akan menerima manfaat kematian akibat kemalangan sebanyak 200% daripada Jumlah Dilindungi + Nilai Akaun dalam Dana Peserta, dan sijilnya ditamatkan.



- 3** Hans dikejarkan ke Unit Kecemasan hospital yang berdekatan. Di dewan pembedahan, para doktor telah berusaha menyelamatkan nyawanya. Namun, dia tidak dapat diselamatkan.



- 5** Alisha menerima khairat kematian sebanyak RM5,000 sebagai bantuan kewangan. Dia juga mendapat **sokongan tambahan** daripada pelan Takaful Future Defender mereka.

a. Manfaat Khidmat Kaunseling*

Alisha menerima sehingga 10 sesi kaunseling kesedihan bagi membantu emosinya selepas kehilangan suami.

b. Manfaat Khidmat Guaman*

Dia juga menerima khidmat guaman sehingga 3 kali, untuk menasihatinya tentang langkah seterusnya yang perlu diambil.

c. Manfaat Khidmat Derma

Jumlah tambahan sebanyak RM2,000 akan didermakan kepada badan kebajikan bagi pihak Hans.

*Jumlah tuntutan tertakluk kepada had RM2,000

Yuran dan caj

Penerangan	Yuran dan caj
Yuran Wakalah	<p>Sebahagian daripada Yuran Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada perantara. Yuran yang sebenar bergantung pada tahun dan tempoh yang dipilih.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan Terhad 10 tahun: dari 0% hingga 30% • Sumbangan Terhad 15 tahun: dari 0% hingga 45% • Sumbangan Berkala: dari 0% hingga 60%
Tabarru' Bulanan (Derma)	Tabarru' ditolak secara bulanan daripada nilai akaun anda dalam Dana Peserta. Kadar tabarru' tidak tetap dan berdasarkan umur Orang Dilindungi pada hari lahir berikutnya, jantina, jumlah dilindungi, status kesihatan, status merokok dan pekerjaan.
Caj Wakalah Perkhidmatan	RM5 akan ditolak setiap bulan daripada nilai akaun anda di dalam Dana Peserta.
Duti setem	Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung sekali sahaja oleh Pemilik Sijil dan dibayar bersama sumbangan pertama.

Pengecualian ringkas

Hanya ada beberapa situasi di mana kami tidak akan membayar manfaat sijil ini:

Kematian	HUPK
<p>Bunuh diri</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat kematian di bawah sijil ini jika tuntutan dibuat oleh sebab bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari:</p> <p>permulaan sijil anda; atau tarikh kali terakhir kami menghidupkan semula sijil anda;</p> <p>yang mana kemudian.</p> <p>Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi. Jika ini berlaku, kami hanya akan membayar nilai akaun anda dalam Dana Peserta (DP) pada tarikh kematian.</p>	<p>Percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat HUPK di bawah sijil ini jika tuntutan yang dibuat adalah disebabkan oleh percubaan untuk membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri oleh Orang Dilindungi dalam tempoh satu tahun dari:</p> <p>permulaan sijil anda; atau tarikh kali terakhir kami menghidupkan semula sijil anda;</p> <p>yang mana kemudian.</p> <p>Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi.</p> <p>Jika tuntutan dibuat disebabkan oleh mana-mana 3 pengecualian ini, sijil anda akan kekal aktif dengan manfaat kematian dan pelanggan perlu terus membayar sumbangan (jika ada).</p>

Nota: Sila rujuk sijil untuk penjelasan terperinci tentang pengecualian.

Dana Peserta

Sumbangan anda yang dibayar selepas yuran Wakalah ditolak akan diperuntukkan ke dalam Dana Peserta. Insentif sebanyak 20% daripada sebarang keuntungan daripada Dana Peserta akan diberikan kepada Pengendali Takaful sebelum sebarang keuntungan yang berkaitan dengan sijil ini diperuntukkan ke dalam nilai akaun anda dalam Dana Peserta.

Dana Risiko Peserta

Tabarru' bulanan akan ditolak daripada nilai akaun anda dalam Dana Peserta (DP) dan dipindahkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) yang berkaitan, di mana manfaat perlindungan dibayar. Sebagai ganjaran atas prestasi yang baik dalam pengurusan DRP, Pengendali Takaful layak menerima insentif bersamaan 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan. Baki 50% akan diagihkan kepada kalangan peserta yang layak dan hak anda akan diperuntukkan setiap tahun ke dalam nilai akaun anda di dalam DP.

Penyerahan

Jika anda menyerahkan sijil anda, jumlah nilai akaun anda dalam Dana Peserta akan dibayar. Walau bagaimanapun, anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil ini dan anda mungkin akan menerima jumlah yang kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

Nota Penting

Pelan ini diuruskan oleh FWD Takaful Berhad dengan tempat perniagaan utama di Tingkat 21, Mercu 2, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. FWD Takaful Berhad dileSENKEN di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

HSBC Amanah Malaysia Berhad 200801006421 (807705-X) adalah perantara dalam pengagihan pelan ini di Malaysia dan diberi imbuhan atau dibayar komisen oleh FWD Takaful Berhad.

Produk dan perkhidmatan yang dirujuk dalam brosur ini ditawarkan di Malaysia sahaja.

Brosur ini tidak membentuk kontrak antara anda dan FWD Takaful Berhad. Terma dan syarat lengkap dinyatakan dalam dokumen sijil.

Pilih pelan yang boleh memenuhi keperluan anda dan pastikan jumlah sumbangan ialah jumlah yang anda mampu bayar. Jika anda memerlukan pelan yang menawarkan perlindungan yang lebih komprehensif, HSBC Amanah Malaysia Berhad menyediakan pilihan perlindungan lain yang mungkin lebih sesuai dengan keperluan anda.

Takaful Future Defender menyediakan perlindungan takaful sehingga umur 80 tahun. Pilih daripada sumbangan terhad 10 tahun, sumbangan terhad 15 tahun atau sumbangan berkala dengan tempoh sijil minimum selama 20 tahun. Sumbangan yang anda bayar adalah untuk kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan bagi produk. Jika anda mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda boleh membandingkan pulangan tahunan produk takaful ini dengan pulangan pelaburan alternatif yang lain.

Jika anda menyerahkan sijil anda pada awal tahun, anda akan menerima nilai akaun anda dalam Dana Peserta (DP) yang mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang anda telah bayar. Nilai DP adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan ia tidak dijamin. 80% pulangan dalam DP akan diperuntukkan kembali ke DP. Risiko pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan nilai akaun anda dalam DP mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang anda telah bayar.

Anda perlu terus membayar sumbangan secara konsisten sehingga akhir tempoh sumbangan bagi memastikan anda layak untuk mendapat semua manfaat. Jika anda tidak membayar sumbangan, sijil anda akan kekal aktif selagi nilai akaun anda dalam DP cukup untuk membayar Tabarru' dan semua caj lain yang berkaitan, jika tidak sijil anda akan luput.

Anda layak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

Anda boleh meneliti kesesuaian pelan dan menghentikan penyertaan anda dalam tempoh 15 hari selepas menerima sijil ("tempoh percubaan"). Jika anda membatalkan sijil anda dalam tempoh percubaan, FWD Takaful Berhad kami akan membayar balik sumbangan anda.

Untuk maklumat lanjut mengenai yuran, caj, dan butiran lain tentang produk, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk dan Ilustrasi Manfaat yang dikeluarkan oleh Pengurus Perhubungan kami.

Sila rujuk Pengurus Perhubungan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang produk.

Sekiranya terdapat sebarang peranggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu bagi kandungan dokumen ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.